

04 MAR 2003

DR MAHATHIR TIBA DI DOHA UNTUK MESYUARAT OIC

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DOHA, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk menghadiri mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini, esok.

Pesawat khas yang membawa Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha di sini pada pukul 5.15 petang waktu tempatan (10.15 malam waktu Malaysia).

Mereka disambut oleh Amir Qatar Sheikh HAmad Bin Khalifa Al-Thani, yang juga Pengerusi OIC, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri dan Wisma Putra.

Mesyuarat tergempar OIC itu yang diadakan bagi membincangkan ancaman perang ke atas Iraq dan situasi Palestin, akan dirasmikan oleh Sheikh Hamad di Hotel Ritz-Carlton di sini. OIC dianggotai 57 buah negara.

Dr Mahathir merupakan pemimpin pertama yang akan berucap pada mesyuarat itu selepas ucapan Setiausaha Agung OIC Abdulouahed Belkabez, sebaik majlis perasmian selesai.

Perdana Menteri dijangka mengetengahkan hasil mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur Rabu lepas yang telah membincangkan ancaman perang ke atas Iraq dan situasi di Palestin.

-- BERNAMA
AZZ MUN LAT